

Sajak kisahkan perjuangan Perdana Menteri akan dideklamasikan

ALOR SETAR, Isnin — Lebih dua puluh ribu orang dari segenap lapisan akan menyambut ketibaan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah dalam lawatan rasmi dua hari ke Kedah bermula Jumaat ini.

Pengerusi sambutan lawatan tersebut, Encik Zainol Abidin Johari memberitahu hari ini, 1,000 orang yang mewakili 20 buah pertubuhan termasuk politik juga turut mengambil bahagian dalam perbarisan di perhimpunan tersebut.

Bellau berkata, 2,500 orang murid sekolah akan mengambil bahagian dalam pertunjukan kad selimbas alu-alukan lawatan Perdana Menteri di perhimpunan itu.

Menurunya, 200 orang wanita yang mewakili UMNO, MCA dan MIC negeri berarak dengan bunga manggar dan sireh junjung mengiringi Perdana Menteri sebaik turun dari helikopter Nuri dari Butterworth di Stadium Darulaman di sini.

Lima ribu belon dan

tembakan asap berwarna akan dilepaskan ke udara sebaik saja Perdana Menteri turun dari pesawat itu.

Menteri Besar Dato Seri Syed Nahar Shahabuddin dan Datin Seri Nik Maimunah akan menyambut ketibaan Perdana Menteri serta mengkalungkan bunga bertih di majlis sambutan itu.

Perdana Menteri dan Menteri Besar akan menaiki dua ekor gajah mengelilingi stadium itu untuk melambatkan tangan kepada orang ramai di perhimpunan tersebut.

Di dalam perhimpunan itu deklamasi sajak akan disampaikan oleh seorang gadis jelita mengenai sejarah perjuangan sedih Dato Seri Dr. Mahathir hingga berjaya menjadi Perdana Menteri.

Dua ratus bas dari beberapa buah syarikat kenderaan negeri ini akan mengadakan perkhidmatan percuma untuk mengangkut orang ramai yang ingin menghadiri perhimpunan itu.

Perkhidmatan itu akan diadakan mulai jam 7 pagi hingga selesai perhimpunan tersebut.

Sempena lawatan itu satu majlis jamuan teh yang dihadiri 4,000 orang akan diadakan di perkarangan rumah kediaman Menteri Besar di Mentalon jam 4 petang dan malamnya majlis jamuan rasmi di Istana Anak Bukit di sini.